

28/08/1997

Hubungan Malaysia - Brunei sudah sehati

SULTAN Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkihah mencadangkan agar Malaysia dan Brunei menjadikan pertemuan ketua kerajaan kedua-dua negara sebagai acara tahunan. Cadangan pertemuan itu dipersetujui oleh mesyuarat delegasi Malaysia-Brunei di Jabatan Perdana Menteri di Kuala Lumpur, kelmarin. Disebabkan mesyuarat itu dihadiri sendiri oleh Sultan Brunei dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kita menyifatkan cadangan itu dipersetujui sepenuhnya oleh rakyat kedua-dua negara.

Bagi kita di Malaysia, kita menerima cadangan itu ibarat 'tidak cukup tapak tangan, nyiru ditadahkan'. Begitu juga kita berpendapat penerimaan rakyat Brunei. Ini tidak bermakna pemimpin kedua-dua negara itu perlu bertemu hanya setahun sekali. Mereka mungkin bersua dan berbincang di pertemuan lain yang turut membabitkan pemimpin Malaysia dan Brunei sama ada di peringkat serantau atau antarabangsa. Malah, mereka juga sering berhubungan sama ada bertanya khabar atau berbincang mengenai sesuatu isu. Pada kita hubungan antara Malaysia dan Brunei tidak lagi terbatas kepada faktor diplomatik kerana kedua-duanya sudah faham memahami antara satu dengan lain.

Kita yakin pertemuan yang dicadangkan itu akan dibuat secara rasmi dan dilakukan secara timbal balas. Jika pertemuan pertama tahun ini diadakan di Kuala Lumpur, pertemuan tahun depan diadakan di Brunei Darussalam pula. Ini adalah semangat kunjung mengunjung yang memang digalakkan dalam konteks budaya masyarakat kita yang serumpun. Adalah lebih baik tempat pertemuan ini diselang-selikan untuk memberi peluang kepada pemimpin kedua-dua negara turut bertemu, berdamping dan mengenali rakyat dengan lebih dekat. Bagi kedua-dua negara, tidak ada rahsia yang hendak disembunyikan. Walaupun menetap di dua buah negara berasingan, hubungan rakyatnya diibaratkan berada dalam sebuah masyarakat yang padu. Pada kita tidak ada rahsia besar yang perlu diselindungi dalam konteks hubungan rakyat dua negara. Sebagai anggota Asean, semangat ini juga turut diamalkan dengan negara-negara anggota yang lain.

Pada kita hubungan intim dua hala antara kedua-dua negara ini, tidak perlu dipersoalkan lagi. Begitu juga hubungan Malaysia dengan negara anggota Asean yang lain dan hubungan Brunei dengan anggota Asean yang lain.

Sebelum Brunei merdeka dan sewaktu negara itu berada di luar Asean sekali pun, hubungan Malaysia-Brunei terus terjalin begitu kukuh sekali. Hubungan yang wujud itu bukan saja terbatas di peringkat kerajaan dan pemimpin, malah ia mencakupi hubungan persaudaraan di kalangan rakyat. Di Malaysia, ramai rakyatnya yang mempunyai ikatan silaturahim dengan rakyat Brunei sama ada menerusi ikatan perkahwinan atau keturunan. Begitu juga di Brunei. Mereka bukan saja berutus salam, malah sentiasa melawat antara satu dengan lain. Secara semula jadi, hubungan seperti ini sudah sehati sejak dulu hingga hari ini. Kita meletakkan kepercayaan yang penuh bahawa perhubungan kedua-dua negara ini akan terus terjalin hingga ke generasi penerus.

Perkara paling nyata, Malaysia dan Brunei tidak pernah menghadapi sebarang masalah yang dianggap boleh mencetuskan prasangka. Setiap tindakan yang membabitkan kepentingan bersama dibincang dengan hati terbuka. Pandangan salah sebuah negara sentiasa mendapat sokongan satu dengan lain. Kedua-dua negara seia sekata dalam semua isu sama ada ia menjurus kepada soal politik, ekonomi, sosial, kepentingan serantau atau

global. Kita tidak meragui, seandainya salah sebuah negara menghadapi masalah, salah satu daripadanya menjadi negara pertama menghulurkan bantuan.

Kita mengharapkan pertemuan tahunan yang akan diadakan itu akan menjadi perlambangan persaudaraan yang paling tinggi. Lebih daripada itu, hubungan baik ini perlu diperluaskan dalam konteks membangunkan masa depan rakyat dan negara terutamanya meningkatkan taraf hidup. Kita perlu akui masih banyak peluang yang belum diterokai terutamanya membabitkan kerjasama sektor swasta.

Hakikatnya, kedua-dua negara mempunyai potensi besar untuk membangun bersama. Kepakaran dan kemahiran yang ada di negara masing-masing boleh digemblengkan sepenuhnya demi memberi kemakmuran kepada rakyat. Kemakmuran di kedua-dua negara akan dapat menyumbang ke arah kesejahteraan rantau ini terutamanya bagi menghadapi abad ke-21 yang diramalkan lebih mencabar. Ia seharusnya menjadi model kerjasama yang positif.

(END)